

bertujuan untuk
meningkatkan
kecekapan-kecekapan baru
dan mempromosi
tempat pelancon-
gan di tempat
anda sama ada
iaanya tempat pe-
lancongan sedia-
ada atau pun baru.

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK

PAHANG
MALAYSIA
Simply Awesome

HADIAH (BULANAN)
JUARA - RM 3,000.00
NAIB JUARA - RM 2,000.00
KETIGA - RM 1,000.00

HADIAH UTAMA (TAHUNAN)
RM 30,000.00

Beserta
Sijil + Baucar Penginapan

PERTANDINGAN BULANAN

**CIKASIA TERBAIK AKAN DI
TAMBAH DI SOSIAL
MEDIA DAN LAMAN WEB
TOURISM PAHANG**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT :





A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan video pendek **PAHANG SIMPLY AWESOME SEMPENA VISIT MALAYSIA 2020 (VMY 2020)** adalah di bawah penganjuran Tourism Pahang.
2. Pertandingan video pendek **PAHANG SIMPLY AWESOME** ini dihasilkan bertujuan untuk mempromosi tempat pelancongan di tempat anda sama ada ianya tempat pelancongan sediaada atau pun baru.

B. TERMA DAN SYARAT

1. Penyertaan adalah **PERCUMA** dan **TERBUKA** kepada semua.
2. Semua penyertaan hendaklah mendaftar melalui pautan Borang Penyertaan Pertandingan Video Pendek **PAHANG SIMPLY AWESOME** yang disertakan laman facebook rasmi Tourism Pahang. **Pertandingan ini akan dijadikan pertandingan sepanjang tahun dan pemenang akan di umumkan pada setiap bulan.**
3. Hasil video hendaklah dimuat-naik ke dalam **"Instagram"** atau **"Facebook"** peserta dan menggunakan **hashtag(#)** **#pahangsimplyawesome** dan **#shortvideotourispahang**. Pastikan post anda dibuat **tetapan "Public"** dan **bukannya "Private"**. Setiap video perlulah **dihantar menggunakan "WeTransfer"** ke email **shortfilm@pahangtourism.org.my** bersama **borang penyertaan Pertandingan Video Pendek PAHANG SIMPLY AWESOME.**
4. Hasil video perlu menepati kualiti audio visual yang baik dan jelas dan durasi video adalah selama 1 minit.
5. Penyertaan adalah terbuka kepada semua secara individu atau berkumpulan.
6. Genre adalah terbuka dan kreatif.
7. Segala kos produksi dan penerbitan, kerosakan atau kerugian di tanggung sepenuhnya oleh peserta sama ada sebelum, semasa atau selepas penghantaran video di lakukan
8. Semua penyertaan mestilah kerja asal/asli dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan atau disiarkan dimana-mana portal / media sosial / blog sebelum ini.
9. Hasil video dilarang menyentuh isu-isu sensitiviti keagamaan dan perkauman.
10. Durasi video adalah bebas tetapi tidak boleh melebihi satu (1) minit termasuk montaj dan kredit penghargaan.
11. Peserta bebas menggunakan sebarang gajet/gear yang bersesuaian untuk menghasilkan video yang berkualiti dengan elemen lakonan atau unsur-unsur lain berdasarkan kreativiti masing-masing.

Info Tambahan :

- Hasil video hendaklah mengikut spesifikasi minima seperti berikut :

Resolution : 720P

Size : 1080 X 720 HD 16:9

- Hasil video hendaklah sesuai untuk diterbitkan dan dipaparkan dalam segala bentuk media video.

Format yang dibenarkan adalah AVI, MOV & MP4.

- Bagi tujuan hebah dan promosi melalui sistem penyiaran (broadcast). Peserta amat digalakkan untuk menghasilkan video mengikut spesifikasi minima berikut:

Resolution : 1080P

Size : 1980x1080 HD 16:9

12. Penyampaian atau bahasa pengantar video hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan Pilihan sarikata English atau tanpa sarikata.
13. Pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

C. HAK CIPTA

1. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hakcipta yang melibatkan muzik dan seumpamanya. Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sama ada sebelum, semasa atau selepas video dihasilkan.
2. Kesemua hasil video pemenang akan menjadi kekal milik peserta. Walau bagaimanapun penganjur boleh menggunakan produksi tersebut untuk tujuan program pendidikan, promosi semasa dan selepas pertandingan.
3. Penganjur berhak sepenuhnya untuk menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan mana-mana karya pemenang pada mana-mana laman web, pameran, portal, media sosial atau blog atas tujuan promosi oleh pihak penganjur sama ada di dalam atau di luar negara.

D. PENILAIAN DAN PEMENANG PERTANDINGAN

1. Pengadil dan penilaian hasil video adalah berdasarkan kepada **isi kandungan, kreativiti, audiovisual dan impak kepada penonton.**
2. Peratusan undian daripada netizen adalah sebanyak 40% adalah berdasarkan jumlah tontonan (view) sepanjang bulan tersebut.
3. Penilaian oleh **PANEL PENILAI PENGANJUR** akan turut dilakukan dan peratusan penilaian daripada panel penilai penganjur adalah sebanyak 60%.
4. **Tiga (3) video terbaik** akan dipilih sebagai pemenang.
5. Semua pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh pihak Tourism Pahang.
6. Tawaran hadiah bagi para pemenang adalah seperti berikut :

JUARA :

Wang Tunai RM 3,000.00 + Sijil + Hadiah Iringan (Baucar Penginapan)

NAIB JUARA :

Wang Tunai RM 2,000.00 + Sijil + Hadiah Iringan (Baucar Penginapan)

TEMPAT KETIGA :

Wang Tunai RM 1,000.00 + Sijil + Hadiah Iringan (Baucar Penginapan)

7. KEPUTUSAN PENGANJUR ADALAH MUKTAMAD DAN SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.



Share



Favourite



Edit



Delete



More

TEMA VIDEO SETIAP BULAN

BULAN	TEMA
FEBRUARI	Pahang Simply Awesome
MAR	Kembara Alam Semulajadi
APRIL	Pulau dan Pantai
MEI	Ramadan di Pahang
JUN	Percutian Tanah Tinggi
JULAI	Acara Menarik di Pahang
AGOS	Air Terjun di Pahang
SEPTEMBER	Homestay di Pahang / Pelancongan Luar Bandar
OKTOBER	Makanan & Buah-buahan di Pahang
NOVEMBER	Kraftangan dan kebudayaan
DISEMBER	Percutian di Pahang



**PERTANDINGAN
VIDEO PENDEK**
PAHANG
Simply Awesome

**TOURISM PAHANG**

No 33 & 33A, ICT Hub Indian Town,
Jalan Putra Square 4,
25200 Kuantan Pahang
www.pahangtourism.org.my
Tel : 09-5681623 | Fax : 09-5681626

BORANG PENYERTAAN

Entry Form

NAMA:

Name :

NO KAD PENGENALAN :

Identity Card No / Passport No

NO TELEFON :

Telephone No

PAUTAN INSTAGRAM :

Instagram Link

PAUTAN FACEBOOK :

Facebook Link

EMEL :

Email

ALAMAT :

Address

TARIKH SERAHAN VIDEO :

Video Delivery Date

PERAKUAN PESERTA

Declaration

Dengan ini saya memperakui bahawa penyertaan ini adalah asli dan saya faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan serta-merta jika saya melanggar mana-mana terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Saya juga bersetuju bahawa jika saya terpilih, video saya boleh digunakan oleh pihak penganjur bagi tujuan promosi sama ada di dalam atau di luar negara.

I hereby declare that my entry is an original and i understand that my participation will be null and void if i violate any of the terms and conditions set by the organizer. I also agree that my video, should it be chosen as the winning, will be use by organizer for domestically and abroad promotions.

TANDATANGAN : _____
Signature

TARIKH : _____
Date



Share



Favourite



Edit



Delete



More

